



*Kerjasama*



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)

RINGKASAN EKSEKUTIF

# PELAN STRATEGIK ICT

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA  
2019 - 2023





**KERJASAMA**



**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)**

# **PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) JABATAN KETUA MENTERI MELAKA 2019 – 2023**

**MELAKA BERWIBAWA  
PINTAR • HIJAU • BERSIH**

### **Dengan Kerjasama**

Unit Permodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Jabatan Ketua Menteri Melaka

Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka

Jabatan Mufti Negeri Melaka

Mahkamah Syariah Melaka

Jabatan Agama Islam Melaka

Jabatan Kerja Raya Melaka

Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Melaka

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka

Jabatan Perancang Bandar & Desa Melaka

Jabatan Pertanian Negeri Melaka

Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka

Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka

Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka

### **Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

### **Diterbitkan Oleh:**

Jabatan Ketua Menteri Melaka

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Aras 1, Blok Temenggong, Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,

75450, Ayer Keroh, Melaka

## KANDUNGAN

Perutusan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	i
Perutusan Pengarah Projek	iii
Perutusan Pengurus Projek	v
Penghargaan	vii
1. Pengenalan	1
2. Carta Organisasi Pasukan Projek	2
3. Skop	3
4. Metodologi	3
5. Visi Dan Misi ICT	4
6. Teras Strategik Dan Objektif Teras Strategik ICT	5
7. Penjajaran Teras Strategik ICT Dengan Teras Strategik Jabatan Ketua Menteri Melaka	7
8. Pemetaan Teras Strategik ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka Dengan Teras Strategik PSICT Sektor Awam	8
9. Strategi Dan Program ICT	9
10. Pelan Tindakan	10
11. Pelan Pelaksanaan	31
12. Penutup	32



# PERUTUSAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA

*“Kerajaan Negeri turut mengambil kira aspirasi Kerajaan baharu untuk membentuk Malaysia Baharu yang mempamerkan kekuatan, keyakinan dan harapan untuk menjadi sebuah negara maju dan inklusif. Ini sejajar dengan visi ICT hala tuju Strategik ICT Sektor Awam iaitu “Kerajaan Digital Inklusif Pemacu Penyampaian Perkhidmatan Berpaksikan Rakyat”*



Bismillahirrahmanirrahim;

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera;

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya maka penyediaan Pelan Strategik ICT (PSICT) Kerajaan Negeri Melaka (KNM) yang kedua bagi tempoh 2019-2023 ini telah dapat disempurnakan dengan jayanya. Saya amat berbesar hati dan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pasukan Pembangunan Pelan Strategik ICT Kerajaan Negeri Melaka yang telah komited membangunkan PSICT KNM 2019-2023. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Pasukan Perunding Strategik ICT Sektor Awam MAMPU yang diketuai oleh YBrs. Dr. Fazidah binti Abu Bakar serta ahli pasukan beliau yang telah memberi tunjuk ajar dan khidmat nasihat serta kepada semua ahli pasukan projek yang telah memberikan kerjasama, idea dan komitmen dalam penyediaan PSICT 2019-2023 ini.

Berdasarkan kepada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dengan Keutamaan dan Penekanan Baharu, bertujuan untuk mereformasi dasar sedia ada dan menggariskan sasaran sosioekonomi yang disemak semula bagi tempoh 2018-2020, Kerajaan Negeri turut mengambil kira aspirasi Kerajaan baharu untuk membentuk Malaysia Baharu yang mempamerkan kekuatan, keyakinan dan harapan untuk menjadi sebuah negara maju dan inklusif. Ini sejajar dengan visi ICT hala tuju Strategik ICT Sektor Awam iaitu *“Kerajaan Digital Inklusif Pemacu Penyampaian Perkhidmatan Berpaksikan Rakyat”*.

Adalah menjadi harapan saya setiap warga kerja Kerajaan Negeri Melaka dapat menghayati sepenuhnya pelan strategik ini dan menjadikannya sebagai panduan untuk sama-sama kita melaksanakan semua program dan aktiviti yang telah digariskan dalam pelan tersebut. Dengan adanya komitmen dan semangat dedikasi yang tinggi oleh setiap warga kerja Kerajaan Negeri Melaka, saya yakin matlamat dan visi yang telah digubal dalam pelan tersebut akan dapat dicapai sepenuhnya untuk menjadikan Negeri Melaka, negeri yang makmur, harmoni dan inklusif.



**DATUK SERI ROSLAN BIN IBRAHIM**



## PERUTUSAN PENGARAH PROJEK

*“Perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan dalam setiap program yang dirancang dan dilaksanakan oleh sesebuah organisasi. Sehubungan itu, diharap dokumen PSICT JKMM 2019-2023 yang telah disediakan ini dapat membantu Kerajaan Negeri dalam mengaplikasikan kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT ke arah penyampaian perkhidmatan digital yang inklusif dan mesra rakyat”*



Bismillahirrahmanirrahim;

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera;

Pelan Strategik ICT (PSICT) Kerajaan Negeri Melaka 2019-2023 khususnya Pelan Strategik ICT (PSICT) Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) bagi tempoh 2019–2023 merupakan satu dokumen yang menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan ICT Kerajaan Negeri untuk tempoh lima tahun akan datang. Ia memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat di Negeri Melaka.

Melalui pelan ini, ia dapat membantu Kerajaan Negeri dalam mengenalpasti pelbagai isu, cabaran, kekuatan dan kelemahan pembangunan ICT dalam mewujudkan aplikasi yang bersepadu, cekap dan berkesan menerusi perkembangan teknologi terkini bagi menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri yang bertaraf antarabangsa.



Pelbagai projek/program ICT yang akan dibangunkan merangkumi empat teras strategi yang dibentuk iaitu Teras Strategi Infrastruktur, Aplikasi, Tadbir Urus dan Keupayaan ICT bertujuan untuk memudahkan rakyat mengakses perkhidmatan Kerajaan setempat secara selamat melalui pelbagai saluran digital, menggalak dan meningkatkan penglibatan rakyat dalam menambah baik perkhidmatan Kerajaan serta memusatkan infrastruktur ICT Kerajaan Negeri bagi menggalakkan perkongsian sumber dan menjimatkan kos.

Perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan dalam setiap program yang dirancang dan dilaksanakan oleh sesebuah organisasi. Sehubungan itu, diharap dokumen PSICT JKMM 2019-2023 yang telah disediakan ini dapat membantu Kerajaan Negeri dalam mengaplikasikan kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT ke arah penyampaian perkhidmatan digital yang inklusif dan mesra rakyat.



**DATUK MASLINA BINTI BAKI**

## PERUTUSAN PENGURUS PROJEK

*“Adalah diharapkan agar komitmen dan jalinan kerjasama padu daripada semua warga kerja Jabatan Ketua Menteri Melaka dapat merealisasi dan memantapkan halatuju strategik ICT yang telah dimuktamadkan melalui pelan ini untuk menjayakan aspirasi ke arah perkhidmatan yang cekap dan inovatif kearah usaha merakyatkan perkhidmatan digital”*



Bismillahirrahmanirrahim;


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera;

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Jabatan Ketua Menteri Melaka telah berjaya menyiapkan dokumen Pelan Strategik ICT (PSICT) Jabatan Ketua Menteri Melaka bagi tempoh 2019-2023 dengan jayanya.

Dokumen PSICT JKMM 2019-2023 ini adalah dokumen rujukan yang akan sentiasa dikemaskini dan disemak dalam tempoh lima tahun pelaksanaannya. Inisiatif-inisiatif strategik akan ditambah dan diubah sejajar dengan persekitaran strategik dan keutamaan Jabatan serta perkembangan Teknologi ICT yang terkini.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyediakan dan menghasilkan Pelan Strategik ICT (PSICT) Jabatan Ketua Menteri Melaka 2019-2023 ini. Adalah diharapkan agar komitmen dan jalinan kerjasama padu daripada semua warga

kerja Jabatan Ketua Menteri Melaka dapat merealisasi dan memantapkan halatuju strategik ICT yang telah dimuktamadkan melalui pelan ini untuk menjayakan aspirasi ke arah perkhidmatan yang cekap dan inovatif kearah usaha merakyatkan perkhidmatan digital.



**DATUK WAHILMAN BIN SIWAR**

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Jabatan Ketua Menteri Melaka serta Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri yang telah memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang pembangunan Pelan Strategik ICT (PSICT) Jabatan Ketua Menteri Melaka 2019 – 2023. Tidak dilupakan juga penghargaan ini diberikan kepada Y.B Datuk Seri Roslan bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka yang telah memberikan sokongan padu kepada projek ini. Selain itu, sekalung penghargaan juga diberikan kepada Pasukan Perunding Strategik ICT Sektor Awam, MAMPU yang diketuai oleh YBhg. Dr Fazidah binti Abu Bakar serta ahli pasukan beliau iaitu Puan Siti Sapura binti Raffee, Puan Rozaida binti Mohd Darus, Puan Suhaiza binti Sudirman serta Puan Nur Nuha binti Mohd Yusoff yang banyak memberikan tunjuk ajar dan khidmat nasihat dalam projek ini.

Sokongan dan penghargaan terima kasih kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) merangkap Ketua Pegawai Maklumat (CIO) iaitu YBhg. Datuk Maslina binti Baki selaku Pengarah Projek Pembangunan PSICT JKMM 2019-2023 ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Wahilman bin Siwar, Ketua ICT Negeri Melaka selaku Pengurus Projek PSICT yang telah berusaha memastikan projek ini sentiasa berjalan dengan lancar dengan dibantu oleh pihak urusetia dari Pejabat Pengurusan Projek (PMO) iaitu Puan Siti Nurirdawaty binti Omar, Puan Yusnizah binti Yahya, Cik Pavala a/p Kannan, Cik Nurul Farhana binti Zulkiflee, Encik Nor Anuar bin Masaod serta Puan Nur Nabila Huda binti Rosman yang sentiasa memastikan perjalanan dan penyelarasan projek ini mengikut jadual yang dirancang, di samping memberikan kerjasama yang padu dalam merealisasikan penghasilan dokumen PSICT ini.

Penghargaan terima kasih dan tahniah kepada semua ahli pasukan projek yang telah memberikan kerjasama, idea dan komitmen dalam penghasilan PSICT JKMM 2019-2023 ini. Semangat berpasukan yang telah ditunjukkan perlu dikekalkan bagi menjamin kelangsungan projek yang dirancang. Semoga dokumen PSICT ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan utama dalam merancang pelaksanaan strategi dan program ICT di masa hadapan.

Sekian terima kasih.

## 1. PENGENALAN


Pembangunan Pelan Strategik ICT (PSICT) Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) 2019-2023 digubal secara dalaman oleh Pasukan Pembangunan PSICT JKMM, yang telah dilantik dan terdiri daripada warga kerja Jabatan Ketua Menteri Melaka dan 14 buah Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pasukan Perunding ICT Sektor Awam, MAMPU.

PSICT JKMM 2019-2023 mengambil masa selama 11 bulan untuk digubal sepenuhnya dan dimuktamadkan iaitu bermula Januari 2018 sehingga November 2018. Sepanjang tempoh tersebut, beberapa siri mesyuarat dan bengkel telah diadakan untuk mengumpul maklumat yang diperlukan bagi penyediaan dokumen PSICT sehingga siap sepenuhnya.

Pelan strategik ini merupakan hasil daripada kajian serta semakan semula terhadap pelan sebelumnya iaitu Pelan Strategik ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka, 2014-2018. Sebagai rujukan utama perancangan strategik ICT Kerajaan Negeri Melaka, dokumen PSICT mengandungi hala tuju, strategi dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan ICT Kerajaan Negeri Melaka.

## 2. CARTA ORGANISASI PASUKAN PROJEK

Satu pasukan kerja yang bernaung di bawah Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Melaka yang dipengerusikan oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSICT ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Carta organisasi projek yang telah diluluskan adalah seperti di **Rajah 1**.



**Rajah 1: Carta Organisasi Pasukan Projek PSICT Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri Melaka 2019-2023**



### 3. SKOP

Skop PSICT JKMM 2019-2023 dibangunkan berdasarkan keperluan ICT yang merangkumi empat bidang seperti berikut:

- (i) Infrastruktur ICT (Pusat Data, Rangkaian, Keselamatan dan Peralatan);
- (ii) Sistem Aplikasi;
- (iii) Keupayaan ICT; dan
- (iv) Tadbir Urus ICT

### 4. METODOLOGI PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT

Metodologi ASF (Analisis, Strategi ICT dan Formulasi) telah digunakan untuk mengetahui keperluan bisnes JKMM dan diterjemahkan bagi menentukan keperluan ICT JKMM bagi tempoh lima tahun (2019-2023) seperti di **Rajah 2**.




Rajah 2: Metodologi ASF

Aktiviti utama dalam fasa pembangunan PSICT JKMM 2019-2023 adalah seperti berikut:

- (i) Fasa 1 (Analisis) : Penilaian persekitaran semasa bisnes dan ICT;
- (ii) Fasa 2 (Strategi) : Pembangunan hala tuju strategik ICT;
- (iii) Fasa 3 (Formulasi) : Pembangunan pelan pelaksanaan ICT; dan
- (iv) Penyediaan dokumen PSICT

## 5. VISI DAN MISI ICT



Rajah 3: Visi dan Misi ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka

## 6. TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF TERAS STRATEGIK ICT

Jabatan Ketua Menteri Melaka telah menetapkan empat teras strategik ICT untuk memacu hala tuju ICT sebagaimana yang ditetapkan menerusi Visi dan Misi ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka. Teras Strategik ICT adalah seperti di **Rajah 4**, manakala objektif bagi setiap teras strategik adalah seperti di **Jadual 1**.

**Rajah 4: Teras Strategik ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka**



## Jadual 1: Objektif Teras Strategik Jabatan Ketua Menteri Melaka

### TERAS STRATEGIK 1

#### Pengukuhan Infrastruktur dan Keselamatan ICT

- Memperkasa keupayaan infrastruktur ICT untuk meningkatkan perkhidmatan dengan lebih optimum.
- Meningkatkan keberkesanan keselamatan ICT bagi meminimumkan risiko keselamatan maklumat dalam meningkatkan prestasi dan kesinambungan perkhidmatan.

### TERAS STRATEGIK 2

#### Pemeriksaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

- Membangunkan dan menambah baik aplikasi selaras dengan transformasi digital bagi memastikan prestasi aplikasi yang lebih stabil dan efisien.

### TERAS STRATEGIK 3

#### Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan

- Memantapkan kompetensi ICT secara berterusan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga kerja.
- Memperkasakan penghayatan budaya ICT bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.


### TERAS STRATEGIK 4

#### Pengukuhan Tadbir Urus ICT

- Mempertingkatkan mekanisme tadbir urus, perkongsian dan kolaboratif strategik ICT bagi menyokong keperluan pelanggan dan pemegang taruh (*stakeholders*).
- Memperkukuhkan mekanisme pematuhan dasar ICT bagi memastikan penyampaian perkhidmatan lebih efisien.
- Memperkukuhkan mekanisme pemantauan ICT bagi memastikan sumber-sumber digunakan secara optimum.

## 7. PENJAJARAN TERAS STRATEGI ICT DENGAN TERAS STRATEGI JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

Hubungan di antara Teras Strategik ICT dengan Teras Strategik Jabatan Ketua Menteri disesuaikan seperti dalam **Rajah 5**.




**Rajah 5: Penjajaran Teras Strategik Jabatan Ketua Menteri Melaka Dengan Teras Strategik ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka**



## 8. PEMETAAN TERAS STRATEGIK ICT JABATAN KETUA MENTERI MELAKA DENGAN TERAS STRATEGIK PSICT SEKTOR AWAM

Pemetaan Teras Strategi ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka kepada Teras Strategik Pelan Strategik ICT Sektor Awam adalah seperti di **Rajah 6**.



**Rajah 6: Pemetaan Teras Strategik ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka Kepada Teras Strategik PSICT Sektor Awam**



## 9. STRATEGI DAN PROGRAM ICT

Berpandukan empat Teras Strategik ICT yang dibentuk, sebanyak 12 Strategi ICT dan 52 Program ICT telah dikenal pasti. Strategi ini adalah selari dengan perancangan pelaksanaan ICT untuk mengatasi isu ICT semasa dan memacu ke arah kecemerlangan sistem penyampaian Jabatan Ketua Menteri Melaka berteraskan ICT. Strategi ICT mengikut teras adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2: Strategi ICT Mengikut Teras**

TERAS STRATEGIK	STRATEGI ICT	BILANGAN PROGRAM
Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT	1. Pengukuhan, Infrastruktur, Perkakasan ICT	5
	2. Pengukuhan Infrastruktur, Rangkaian dan Komunikasi ICT	6
	3. Pengukuhan Pusat Data dan Keselamatan ICT	3
Pemeriksaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan	1. Pemantapan dan Perluasan Portal dan Aplikasi	9
	2. Pembangunan Semula Aplikasi	2
	3. Pembangunan Sistem Aplikasi Baru	9
Pengukuhan Infrastruktur Dan Dalam Penyampaian Perkhidmatan	1. Pengukuhan, Pembudayaan ICT	4
	2. Pengukuhan Kompetensi ICT	4
	3. Pengiktirafan ICT	2
Pengukuhan Tadbir Urus ICT	1. Pengukuhan Organisasi ICT	1
	2. Pengukuhan dan Pemantapan Tadbir Urus ICT	2
	3. Pengwujudan Pengukuhan dan Penguatkuasaan Dasar, Polisi dan Prosedur ICT	5
<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>52</b>

## 10. PELAN TINDAKAN

Teras Strategik 1: Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT																																		
STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI																																
1. Pengukuhan Infrastruktur Perkakasan ICT	1a. Peningkatan peralatan, perisian dan aksesori ICT	<p><b><u>Setiap tahun</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu laporan kajian keperluan dan laporan kajian spesifikasi</li> <li>• Satu perolehan peralatan:               <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Desktop</i></li> </ul> </li> </ul> <table border="0"> <thead> <tr> <th><u>Tahun</u></th> <th><u>Unit</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2019</td> <td>240</td> </tr> <tr> <td>2020</td> <td>100</td> </tr> <tr> <td>2021</td> <td>100</td> </tr> <tr> <td>2022</td> <td>100</td> </tr> <tr> <td>2023</td> <td>100</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>ii. Notebook</i></li> </ul> <table border="0"> <thead> <tr> <th><u>Tahun</u></th> <th><u>Unit</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2019</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td>2020</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td>2021</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td>2022</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td>2023</td> <td>30</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>iii. Printer</i></li> </ul> <table border="0"> <thead> <tr> <th><u>Tahun</u></th> <th><u>Unit</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2019</td> <td>150</td> </tr> <tr> <td>2020</td> <td>100</td> </tr> <tr> <td>2021</td> <td>100</td> </tr> </tbody> </table>	<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>	2019	240	2020	100	2021	100	2022	100	2023	100	<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>	2019	30	2020	30	2021	30	2022	30	2023	30	<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>	2019	150	2020	100	2021	100
<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>																																	
2019	240																																	
2020	100																																	
2021	100																																	
2022	100																																	
2023	100																																	
<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>																																	
2019	30																																	
2020	30																																	
2021	30																																	
2022	30																																	
2023	30																																	
<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>																																	
2019	150																																	
2020	100																																	
2021	100																																	

## Teras Strategik 1: Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI	
		2022	100
		2023	100
		<b>iv. Projektor</b>	
		<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>
		2019	-
		2020	10
		2021	8
		2022	8
		2023	8
		<b>v. Aksesori</b>	
		• <i>RAM</i>	
		<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>
		2019	50
		2020	50
		2021	50
		2022	50
		2023	50
		• <i>Hard Disk</i>	
		<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>
		2019	50
		2020	50
		2021	50
		2022	50
		2023	50
		• <i>Power Supply</i>	

## Teras Strategik 1: Penguatan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI	
		<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>
		2019	50
		2020	50
		2021	50
		2022	50
		2023	50
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu perolehan perisian:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Microsoft Office</i></li> </ul> </li> </ul>	
		<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>
		2019	270
		2020	130
		2021	130
		2022	130
		2023	130
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembaharuan Lesen:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Adobe Creative Cloud</i></li> </ul> </li> </ul>	
		<u>Tahun</u>	<u>Unit</u>
		2019	3
		2020	3
		2021	3
		2022	3
		2023	3
		<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. <i>Sketchup Pro</i></li> </ul>	

### Teras Strategik 1: Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI	
		<u>Tahun</u> 2019 2020 2021 2022 2023	<u>Unit</u> 2 2 2 2 2
	1b. Perolehan Perisian MapGuide dan MapInfo yang berlesen	<u>Jun 2020</u> Satu lesen MapGuide dan 20 lesen MapInfo diperolehi	
	1c. Penyelenggaraan pencegahan dan pembetulan peralatan ICT secara berkala dan berterusan	<u>Setiap tahun</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dua kali penyelenggaraan</li> <li>• Satu laporan kajian keperluan dan laporan kajian spesifikasi</li> <li>• Satu perolehan aksesori ICT</li> </ul>	
	1d. Peralihan penggunaan perisian sumber terbuka ( <i>open source</i> ) bagi <i>desktop</i>	<u>Apr 2019</u> Satu laporan <i>test run</i> di JKMM	

Teras Strategik 1: Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT		
STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
		<p><b><u>Jul 2019</u></b></p> <p>Satu laporan <i>test run</i> di Jabatan Kerajaan Negeri Melaka</p> <p><b><u>Setiap tahun</u></b></p> <p>Sekurang-kurangnya empat jabatan selesai instalasi</p>
	1e. Naik taraf perkhidmatan E-mel Rasmi Kerajaan Negeri Melaka kepada E-mel Enterprise	<p><b><u>Dis 2020</u></b></p> <p>Pemasangan E-mel Enterprise selesai</p>
2. Pengukuhan Infrastruktur Rangkaian dan Komunikasi ICT	2a. Peningkatan talian rangkaian Jabatan Kerajaan Negeri	<p><b><u>Feb 2019, 2021 dan 2023</u></b></p> <p>Satu laporan kajian</p> <p><b><u>Dis 2019, 2021 dan 2023</u></b></p> <p>Naik taraf rangkaian selesai</p>
	2b. Naik taraf perkakasan <i>core switch</i> JKMM kepada <i>High Availability</i> (HA)	<p><b><u>Dis 2020</u></b></p> <p>Perkakasan <i>core switch</i> siap dipasang</p>



Teras Strategik 1: Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT		
STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
	2c. Naik taraf kemudahan WiFi di Jabatan Kerajaan Negeri Melaka	<b><u>Dis 2020</u></b> Pemasangan 50 <i>Access Point</i> (AP) selesai
	2d. Naik taraf rangkaian internet Jabatan Kerja Raya (JKR)	<b><u>Apr 2019</u></b> Naik taraf rangkaian internet JKR selesai
	2e. Kajian keperluan kapasiti Rangkaian 1Gov*Net Mahkamah Syariah	<b><u>Dis 2019</u></b> Pembangunan satu laporan kajian selesai
	2f. Penstrukturan semula rangkaian LAN sedia ada di Pentadbiran Tanah Negeri Melaka	<b><u>Dis 2022</u></b> Kelajuan rangkaian dinaik taraf di empat jabatan dilaksanakan.
3. Pengukuhan Pusat Data dan Keselamatan ICT	3a. Naik taraf peralatan keselamatan rangkaian di Pusat Data JKMM  i. IPS ii. Firewall	<b><u>Dis 2019</u></b> Naik taraf peralatan keselamatan rangkaian di Pusat Data selesai
	3b. Perolehan peralatan keselamatan rangkaian di DRC JKMM:  i. Firewall	<b><u>Dis 2020</u></b> Pemasangan peralatan keselamatan DRC selesai

### Teras Strategik 1: Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
	<p>3c. Naik taraf Infrastruktur</p> <p>Pusat Data dan DRC:</p> <p>i. Peningkatan perisian <i>centralized backup</i></p> <p>ii. Pemasangan Sistem Pemantauan Persekitaran di Pusat Data dan DRC Negeri Melaka</p> <p>iii. Naik taraf Sistem Pengoperasian dan Virtualisasi <i>Server</i> dan Replikasi di Pusat Data dan DRC Negeri Melaka</p> <p>iv. Peningkatan kapasiti storan Pusat Data dan DRC JKMM</p>	<p><b><u>Dis 2020</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemasangan perisian <i>centralized backup</i> Pusat Data JKMM selesai</li> <li>• Pemasangan Sistem Pemantauan Persekitaran di Pusat Data dan DRC Negeri Melaka selesai</li> </ul> <p><b><u>Dis 2022</u></b></p> <p>Naik taraf Sistem Pengoperasian dan Virtualisasi <i>Server</i> dan Replikasi Pusat Data dan DRC Negeri Melaka selesai</p> <p><b><u>Dis 2023</u></b></p> <p>Naik taraf kapasiti storan Pusat Data, JKMM dan DRC selesai</p>

## Teras Strategik 2: Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
1. Pemantapan dan Perluasan Portal dan Aplikasi	1 a. Naik Taraf Laman Web Rasmi Negeri Melaka Versi 6.0	<p><b><u>Jun 2021</u></b> Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS)</p> <p><b><u>Dis 2021</u></b> Kelulusan JPICT</p> <p><b><u>Dis 2022</u></b> Laman Web Rasmi Negeri Melaka Versi 6.0 digunakan</p>
	1b. Naik taraf Sistem Maklumat Pengurusan Tauliah Mengajar Dan Al-Quran Negeri Melaka (e-SMAT) - Modul Permohonan Atas Talian	<p><b><u>Dis 2020</u></b> Naik taraf Sistem e-SMAT selesai</p>
	1c. Naik taraf Sistem MeLGIS	<p><b><u>Dis 2019</u></b> Kelulusan JPICT</p> <p><b><u>Mei 2020</u></b> Satu laporan keperluan pengguna (URS)</p>

## Teras Strategik 2: Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
		<p><b><u>Jun 2021</u></b></p> <p>Naik taraf Sistem MeLGIS selesai</p>
	<p>1d. Naik taraf Sistem SISIP dan xFiles</p>	<p><b><u>Dis 2019</u></b></p> <p>Kelulusan JPICT</p> <p><b><u>Mei 2020</u></b></p> <p>Satu laporan keperluan pengguna (URS)</p> <p><b><u>Jun 2021</u></b></p> <p>Naik taraf Sistem SISIP dan xFiles selesai</p>
	<p>1e. Naik taraf Sistem eTAPEM</p> <p>i. Penambahbaikan modul sedia ada</p> <p>ii. Integrasi dengan sistem:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KWSP</li> <li>• iSPEKS</li> <li>• JPN</li> </ul>	<p><b><u>Mei 2021</u></b></p> <p>Satu laporan keperluan pengguna (URS)</p> <p><b><u>Dis 2022</u></b></p> <p>Sistem eTAPEM digunakan</p>

## Teras Strategik 2: Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
	1f. Pemantapan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (iSPEKS)	<p><b><u>Jun 2021</u></b> Customization Sistem iSPEKS selesai</p>
	1g. Perluasan Sistem Tender Online Melaka (STOM)	<p><b><u>Dis 2019</u></b> Bahagian / Unit di bawah JKMM menggunakan STOM</p> <p><b><u>Dis 2020</u></b> Pelaksanaan STOM di empat PBT</p>
	1h. Naik taraf Portal <i>Destination</i> Melaka	<p><b><u>Apr 2019</u></b> Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS)</p> <p><b><u>Mei 2019</u></b> Kelulusan JPICT</p> <p><b><u>Dis 2019</u></b> Portal <i>Destination</i> Melaka Versi 2.0 digunakan</p>

## Teras Strategik 2: Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
	1i. Naik taraf <i>Mobile Apps Destination</i> Melaka	<p><b><u>Apr 2019</u></b> Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS)</p> <p><b><u>Mei 2019</u></b> Kelulusan JPICT</p> <p><b><u>Dis 2019</u></b> <i>Mobile Apps Destination</i> Melaka Versi 2.0 digunakan</p>
2. Pembangunan Semula Aplikasi	2a. Pembangunan semula Sistem Pingat	<p><b><u>Mac 2019</u></b> Satu laporan keperluan pengguna (URS)</p> <p><b><u>Dis 2020</u></b> Sistem Pingat digunakan</p>
	2b. Pembangunan semula Sistem Intranet Versi 2.0 i. Modul Tempahan Kenderaan	<p><b><u>Dis 2019</u></b> Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS)</p>



## Teras Strategik 2: Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
	ii. Modul Tempahan Bilik Mesyuarat iii. Modul Permohonan Domain dan Emel iv. Modul Aduan Kerosakan Komputer v. Modul Aduan Kerosakan Aset dan Bangunan vi. Modul Pinjaman Peralatan vii. Modul Pentadbiran	<p><b><u>Dis 2021</u></b> Sistem Intranet Versi 2.0 digunakan</p>
3. Pembangunan Aplikasi Baharu	3a. Pembangunan Sistem Pemantauan Audit	<p><b><u>Mei 2019</u></b> Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS)</p> <p><b><u>Dis 2020</u></b> Sistem Pemantauan Audit digunakan</p>
	3b. Pembangunan Sistem e-Statistik Pelancong	<p><b><u>Jun 2019</u></b> Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS)</p> <p><b><u>Dis 2019</u></b> Sistem e-Statistik Pelancong digunakan</p>

## Teras Strategik 2: Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
	3c. Pembangunan Sistem Knowledge Management (KM)	<p><b><u>Mei 2020</u></b></p> Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS) <p><b><u>Dis 2020</u></b></p> Sistem Knowledge Management (KM) digunakan
	3d. Pembangunan Sistem Intranet Mahkamah Syariah Negeri Melaka	<p><b><u>Feb 2020</u></b></p> Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS) <p><b><u>Jun 2020</u></b></p> Sistem Intranet Mahkamah Syariah Negeri Melaka digunakan
	3e. Pembangunan <i>Mobile Apps</i> RSN (Rancangan Struktur Negeri) 2035	<p><b><u>Mac 2020</u></b></p> Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS)

## Teras Strategik 2: Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
		<p><b><u>Jun 2021</u></b></p> <p><i>Mobile Apps</i> RSN (Rancangan Struktur Negeri) 2035 digunakan</p>
	<p>3f. Pembangunan Sistem Inventori Ubat</p>	<p><b><u>Jul 2019</u></b></p> <p>Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS)</p> <p><b><u>Jun 2021</u></b></p> <p>Sistem Inventori Ubat digunakan</p>
	<p>3g. Pembangunan Sistem Single Sign- on ePMM (<i>Electronic PlanMalaysia Melaka</i>) bagi empat aplikasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Aplikasi MeLGIS</li> <li>ii. Sistem XFiles</li> <li>iii. Sistem Dokumen Fail</li> <li>iv. Sistem Informasi Perancangan (SISIP)</li> </ul>	<p><b><u>Mei 2020</u></b></p> <p>Satu laporan keperluan pengguna (URS)</p> <p><b><u>Dis 2022</u></b></p> <p>Sistem Single Sign-on ePMM digunakan</p>

## Teras Strategik 2: Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
	3h. Pembangunan Aplikasi mShare	<b><u>Mei 2020</u></b> Satu laporan keperluan pengguna (URS)  <b><u>Dis 2022</u></b> Aplikasi mShare digunapakai
	3i. Pembangunan Sistem iResume	<b><u>Feb 2019</u></b> Satu laporan kajian keperluan pengguna (URS)  <b><u>Apr 2019</u></b> Sistem iResume dilaksanakan

**Teras Strategik 3: Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam  
Penyampaian Perkhidmatan**

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN
1. Pengukuhan Pembudayaan ICT	1a. Taklimat kesedaran ICT secara komprehensif dan berterusan kepada warga kerja JKMM	<b><u>Setiap tahun</u></b> Dua kali taklimat kesedaran ICT
	1b. Taklimat berkenaan <i>technology updates</i> kepada warga kerja JKMM	<b><u>Setiap tahun</u></b> Dua kali taklimat <i>technology updates</i>
	1c. Hebahan melalui kempen dan promosi : i. Kesedaran ICT ii. Buletin ICT digital iii. Video berasaskan Web iv. E-mel v. SMS blast / media sosial	<b><u>Setiap tahun</u></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu kali hebahan video</li> <li>• Empat kali hebahan e-mel</li> <li>• Sekurang-kurangnya empat kali SMS blast/media sosial</li> </ul>
	1d. Program kesedaran peranan <i>Chief Information Officer (CIO)</i> dan <i>ICT Security Officer (ICTSO)</i> Jabatan Kerajaan Negeri	<b><u>5 tahun</u></b> Dua kali sesi taklimat CIO dan ICTSO
2. Pengukuhan Kompetensi ICT	2a. Latihan ICT kepada warga kerja dan komuniti:	<b><u>2019</u></b>

**Teras Strategik 3: Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam  
Penyampaian Perkhidmatan**

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penggunaan aplikasi baharu/sedia ada</li> <li>ii. Penggunaan Aplikasi mShare</li> <li>iii. Pemerkasaan Aplikasi Github</li> <li>iv. Teknologi baharu</li> <li>v. Penjagaan Aset ICT</li> <li>vi. Penggunaan e-mel</li> <li>vii. Penggunaan aplikasi media sosial seperti Whatsapp, Telegram dan lain-lain</li> <li>viii. Latihan komuniti professional dan orang awam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu sesi latihan pemerkasaan AplikasiGithub</li> <li><b><u>Setiap tahun</u></b></li> <li>• Dua kali latihan aplikasi baharu/sedia ada dan lain-lain aplikasi</li> <li>• Tiga kali latihan penggunaan teknologi baharu</li> <li>• Satu kali latihan penjagaan aset ICT</li> <li>• Satu kali latihan media sosial</li> <li>• Enam sesi latihan komuniti profesional</li> <li>• 12 sesi latihan komuniti awam</li> </ul>



**Teras Strategik 3: Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam  
Penyampaian Perkhidmatan**

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN
		<p><b><u>5 Tahun</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dua kali latihan penggunaan e-mel</li> <li>• Lima sesi latihan penggunaan Aplikasi mShare</li> </ul>
	<p>2b. Latihan mewujudkan tenaga pengajar dalaman:</p> <p>i. <i>Train of Trainers (ToT)</i></p> <p>ii. <i>Program Coaching and Mentoring ICT</i></p> <p>iii. Latihan kepada <i>champion</i> ICT di setiap agensi</p>	<p><b><u>5 tahun</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Empat kali TOT dan Program <i>Coaching and Mentoring ICT</i></li> </ul> <p><b><u>Setiap Dua Tahun</u></b></p> <p>Satu sesi latihan <i>Champion</i> ICT</p>
	<p>2c. Peningkatan jalinan kolaboratif strategik dengan agensi luar</p>	<p><b><u>2020 &amp; 2022</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jalinan kolaboratif dilaksanakan</li> </ul>
	<p>2d. Penggubalan kandungan struktur kursus berorientasikan ICT</p>	<p><b><u>Setiap tahun</u></b></p> <p>Satu kali penambahbaikan modul kursus</p>
<p>3. Pengiktirafan ICT</p>	<p>3a. Penyertaan dan penganjuran pertandingan inovasi</p>	<p><b><u>Setiap Tahun</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu kali penganjuran</li> <li>• 28 penyertaan</li> </ul>

**Teras Strategik 3: Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam  
Penyampaian Perkhidmatan**

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN
	3b. Pemberian insentif kepada pemenang pertandingan inovasi	<b><u>Setiap tahun</u></b> Satu kali insentif

**Teras Strategik 4: Pengukuhan Tadbir Urus ICT**

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN
1. Pengukuhan Organisasi ICT	<p>1a. Pelaksanaan Penstrukturan ICT/Rasionalisasi Semula:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantikan Tetap: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pegawai Teknologi Maklumat</li> <li>ii. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat</li> <li>iii. Juruteknik Komputer</li> </ul> </li> <li>• Lantikan Kontrak: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pegawai Teknologi Maklumat</li> </ul> </li> </ul>	<b><u>5 tahun</u></b> Sekurang-kurangnya dua dokumen pertimbangan jawatan (tetap dan kontrak)


### Teras Strategik 4: Pengukuhan Tadbir Urus ICT

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN
	ii. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat iii. Juruteknik Komputer	
2. Pengukuhan dan Pemantapan Tadbir Urus ICT	2a. Pemantapan Jawatankuasa ICT sedia ada i. Jawatankuasa Pemandu ICT ii. Jawatankuasa Teknikal ICT iii. Jawatankuasa CERT iv. Jawatankuasa Teknikal Laman Web v. Jawatankuasa Kerja Laman Web	<u><b>Dis 2019</b></u> Terma rujukan bagi Jawatankuasa ICT ditambah baik
	2b. Pelantikan <i>Champion</i> ICT i. Jabatan Pertanian ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar iii. Jabatan Pengairan dan Saliran iv. Jabatan Perhutanan	<u><b>5 Tahun</b></u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu laporan kajian keperluan jabatan setiap dua tahun</li> <li>• Pelantikan <i>Champion</i> ICT di jabatan setiap dua tahun</li> </ul>

### Teras Strategik 4: Pengukuhan Tadbir Urus ICT

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN
3. Pengwujudan Pengukuhan dan Penguatkuasaan Dasar, Polisi dan Prosedur ICT	3a. Pembangunan Dasar/ Prosedur/ Garis Panduan ICT Baharu	<b><u>Dis 2019</u></b> Satu Garis Panduan Untuk Etika Bekerja dan Media Sosial
	i. Etika Bekerja dan Media Sosial	
	ii. Dokumen PSICT 2024-2028	<b><u>Dis 2023</u></b> Satu Dokumen PSICT 2024-2028 disediakan
	3b. Semakan Semula Dasar/ Prosedur/Garis Panduan ICT	<b><u>Dis 2019</u></b> Satu Dasar Keselamatan ICT Negeri Melaka disemak
	i. Dasar Keselamatan ICT Negeri Melaka (Whatsapp sebagai satu medium aduan rasmi)	<b><u>Dis 2021</u></b> Satu dokumen PSICT 2019-2023 disemak
	ii. Dokumen PSICT 2019-2023	
	3c. Pelaksanaan Pensijilan Semula ISMS	<b><u>Setiap Tahun</u></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu audit dalaman</li> <li>• Satu Audit SIRIM</li> </ul> <b><u>Sept 2021</u></b> Satu pensijilan ISMS

# 11. PELAN PELAKSANAAN



Rajah 7: Pelan Pelaksanaan Strategi ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka Mengikut Tahun

## 12. PENUTUP

Pelan Strategik ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka 2019-2023 merupakan satu dokumen *blueprint* pembangunan ICT dalam mengoptimumkan penggunaan ICT di Jabatan Ketua Menteri Melaka bagi mencapai hala tuju dan objektif strategik JKMM.

Adalah diharapkan PSICT yang dibangunkan ini, dapat dihayati dan difahami oleh semua kakitangan ICT khususnya dan semua warga JKMM amnya bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya dan merealisasikan hasrat mentransformasikan penyampaian perkhidmatan menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Pelan Pelaksanaan PSICT ini memerlukan pemantauan dan kajian semula secara berkala bagi memastikannya relevan dan selaras dengan hala tuju baharu dan perubahan dalam persekitaran bisnes JKMM.